

Inilah perkara-perkara yang sulit yang patut menerima perhatian kerajaan kerana sepatutnya kerajaan bersyukur bahawa umumnya umat Islam bersetuju pada dasarnya menerima Rang Undang-undang Pertadbiran Hukum-hukum Islam 1965 dengan mengemukakan pindaan-pindaan, yang dikaji daripada pendapat umum mereka yang dirasa mereka bermanfaat dan berfaedah bagi umat Islam. Jika pindaan dan syor-syor mereka ditolak dengan tidak ada perhatian saksama, mungkin nanti apabila rang undang-undang itu dikuatkuasa dan disahkan oleh Parlimen, tidak mengikut kehendak umat Islam yang berkenaan, dan setengah-setengah perkara dipaksakan kepada mereka kerana “meraikan” kehendak segelintir orang mungkin akan terbit bantahan-bantahan yang hebat menentang perkara-perkara yang difikirkan mereka “menoda kesucian agama mereka”.

Dengan ini adalah kita berharap supaya kerajaan menggunakan kebijaksanaan di dalam menerima tuntutan rang undang-undang itu supaya umat Islam tenang. Tidak menjadi alasan bahawa banyak perkara-perkara di dalamnya diambil daripada mana-mana negeri di Persekutuan Tanah Melayu kerana rang undang-undang di Tanah Melayu itu pada sebahagiannya tidak diperkenani oleh sebahagian orang di Singapura tetapi juga di Tanah Melayu, hanya berbeza bahawa umat Islam di Singapura, pada umumnya cepat bergerak dan cepat mencemburui sesuatu perkara mengenai hukum-hukum Islam yang bakal mengenai mereka.

* * *

Sungutan-sungutan Atas Pelayaran Kapal Haji

Dari Sarawak dan Sabah

Pada tahun ini jemaah-jemaah haji dari Sabah dan Sarawak tidak lagi melalui pelabuhan Singapura tetapi diambil terus daru pelabuhan-pelabuhan di Sabah dan Sarawak. Sekali imbas rancangan ini sangat baik tetapi, sepanjang yang disampaikan kepada kita, orang-orang dari tempat-tempat itu sangat-sangat tidak berpuas hati kerana

membayar lebih murah tambang-tambang daripada mereka datang ke Singapura sedang kalau mereka turun di Singapura, mereka berpeluang juga membeli serba sedikit persiapan-persiapan mereka belayar kerana masa yang diberikan, sesudah peperiksaan yang begitu menyusahkan di dalam masa lebih kurang 60 jam kapal singgah di Singapura, mereka berpeluang turun beberapa jam sahaja. Penumpang-penumpang di darjah satu yang naik dari Kuching umpamanya diwajibkan membayar tambang dari Kuching ke Singapura pergi balik sebanyak \$290.00 sedang bayaran biasa bagi penumpang kelas satu bagi kapal-kapal yang berulang-alik di antara Singapura dengan Kuching tidak sampai \$200.00.

Begitu juga penumpang-penumpang yang biasa membayar bayaran sebanyak \$60.00 dikenakan bayaran \$160.00.

Selain daripada itu kesulitan-kesulitan yang dihadapi mereka tatkala mengangkat barang-barang dimuatkan di kapal sangat bergopoh-gapah dan tidak memuaskan. Terbit daripada ini banyak daripada penumpang-penumpang itu, dari Sabah dan Sarawak yang mengharap bahawa ada lebih baik bagi mereka belajar menaiki kapal haji dari Singapura – tidak dari Sabah dan Sarawak.

Begitu juga sesiapa yang mendaftarkan dirinya pergi ke haji yang berniat hendak berangkat dari Singapura dan berlepas dari Kuching dengan kapal terbang – naik kapal haji dari Singapura, kepada mereka dikenakan juga tambang kapal seperti yang tersebut di atas (\$290.00 bagi darjah yang pertama dan \$160.00 bagi tambang biasa).

Perkara ini mudah-mudahan menjadi perhatian jabatan yang berkenaan di Malaysia supaya tidak timbul sangkaan-sangkaan yang tidak baik bahawa mereka terasa “diperah”.

* * *

Memang Terpesong

Tuan Haji Ghazali bin Abdul Latif seorang ulama